

LWS - LATIHAN AKHLAK ISLAMIAH TINGKATAN 2

SANTUNI JIRANMU

Arahan: Tarik kotak dan isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang diberi.

NAMA PELAJAR:

KELAS:

MAKSUD JIRAN

penjuru

sekeliling

empat puluh

berdekatan

Istilah

Jiran	Bahasa	Orang yang berada di _____.
		Orang yang tinggal _____ sehingga _____ buah rumah dari setiap _____.

DALIL NAQLI GALAKAN MENGHORMATI JIRAN

Firman Allah SWT mewajibkan umat Islam supaya berbuat baik kepada jiran ialah:

وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْجَارِ
ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ
مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا

Maksud:

Hendaklah kamu beribadat kepada Allah SWT, janganlah kamu mempersekutukan Allah SWT dengan sesuatu. Hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa dan kaum kerabat, anak yatim, orang miskin, jiran tetangga yang dekat dan yang jauh, rakan sejawat, orang musafir yang terlantar dan hamba sahaya yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah SWT tidak suka kepada orang yang sombong takbur dan membanggakan diri.

(Surah An-Nisa': ayat 36)

ADAB BERJIRAN AMALAN RASULULLAH SAW

jual beli

salam

memasak

melayan

hadiah

Contoh adab berjiran yang diamalkan oleh Rasulullah SAW:

1. _____ jiran dengan baik walaupun bukan Islam.
2. Rasulullah SAW meminta tetamu memberi _____ di sisi pintu supaya tidak ternampak aib di dalam rumah.
3. Rasulullah SAW menyuruh Abu Zar membanyakkan kuah ketika _____ untuk diberikan kepada jiran.
4. Rasulullah SAW meminta supaya jiran diberi keutamaan dalam _____ dengan menawarkan kepadanya terlebih dahulu.
5. Memberikan _____ dan makanan kepada jiran.

Rasulullah SAW bersabda daripada Anas bin Malik:

مَا آمَنَ بِي مَنْ بَاتَ شَبَعَانًا وَجَارُهُ جَائِعٌ إِلَى جَنْبِهِ ، وَهُوَ يَعْلَمُ بِهِ .

Maksud:

Tidak beriman denganku sesiapa yang tidur dalam keadaan kenyang sedangkan dia mengetahui jirannya sedang kelaparan.

HAK DAN KEWAJIPAN TERHADAP JIRAN

Muslim yang
bukan
kerabat

Muslim dan
kerabat

Bukan
Islam

mungkar

suara

ketenangan

nasihat

Terdapat tiga kategori jiran dalam Islam seperti yang berikut:

Kategori jiran	Hak	Kewajipan terhadap jiran
	Tiga hak: ▪ Muslim ▪ Kerabat ▪ Jiran	• Mendapat _____, keselesaan dan keselamatan seperti memanggil jiran dengan _____ yang sesuai.
	Dua hak: ▪ Muslim ▪ Jiran	• Memberi _____, mengajak jiran membuat perkara yang baik dan mencegah perkara _____.
	Satu hak: ▪ Jiran	• Mengambil berat terhadap _____ yang ditanggung oleh jiran. • Tidak mengintai _____ jiran. • Menjaga _____ jiran ketika ketiadaannya.

aurat

rumah

penderitaan

KEWAJIPAN BERJIRAN YANG PERLU DIAMALKAN DALAM KEHIDUPAN HARIAN

menyakiti

tahniah

hadiah

bertegur

harta benda

Antara adab untuk menjaga hubungan baik sesama jiran termasuklah:

1. _____ sapa.
2. Menggembirakan jiran dan mengucapkan _____ apabila mendapat nikmat.
3. Berbuat baik dan tidak _____.
4. Menjaga _____ jiran dan meminta izin jika hendak menggunakannya.
5. Saling memberi _____.
6. Menghormati antara satu sama lain.
7. Tidak berhasad _____ dengan kelebihan jiran.
8. Berbicara mengikut _____.
9. Menjaga maruah diri dan tidak _____ antara satu sama lain.
10. Memastikan jiran _____ dan aman.
11. Melahirkan _____ terhadap kesusahan jiran.

keperluan

simpati

dengki

mengumpat

selesa

HIKMAH MENGAMALKAN ADAB BERJIRAN DALAM KEHIDUPAN

Maruah

buruk

selamat

aman

membantu

1. Hidup dalam keadaan _____ dan damai kerana masing-masing telah mengamalkan tanggungjawab yang sewajarnya. Contohnya _____ ketika diperlukan.
2. _____ diri dan keluarga terjaga kerana tidak ada sifat bersangka _____ antara jiran tetangga.
3. Sentiasa berasa _____ dan selesa hidup berjiran kerana saling menghormati dan menjaga keselamatan. Contohnya membuat rondaan berkala secara bergilir.
4. Kemungkaran mudah dicegah dengan mengukuhkan hubungan _____ antara jiran.
5. Melahirkan masyarakat yang _____ dan hormat-menghormati kerana masing-masing menjaga _____ berjiran seperti yang tua dihormati dan yang muda disayangi.
6. Menikmati keamanan dan _____ kerana semua rakyat memahami tanggungjawab masing-masing. Contohnya bertegur sapa apabila bertemu dan tidak menyebarkan _____.

keharmonian

silaturahim

adab

fitnah

bersatu padu